

SOP IBADAH KORBAN NEGERI PULAU PINANG 1442H DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

STANDARD OPERATION PROCEDURE OF PENANG STATE QURBAN WORSHIP 1442H FROM THE PERSPECTIVE OF MAQASID SYARIAH

‘Imaaduddin Abdul Halim¹
Nurfahratul Azlina Ahmad²
Ahmad Termizi Ab Lateh³
Adlan Saidin⁴

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia
(E-mail: imaaduddin@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia
(Email: fahiratul@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia
(E-mail: ahmadtermizi8780@uitm.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Malaysia
(E-mail: adlan.saidin@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 11-6-2021
Revised date : 12-6-2021
Accepted date : 21-8-2021
Published date : 18-9-2021

To cite this document:

‘Imaaduddin, Nurfahratul, Ahmad Termizi & Adlan
(2021). SOP Ibadah Korban 1442H Dari Perspektif
Maqasid Syariah. *Journal of Islamic, Social,
Economics and Development (JISED)*, 6(39), 1-10.

Abstrak: Ibadah korban merupakan ibadah yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada umatnya sejak tahun kedua hijrah. Ketika melaksanakan ibadah ini pendekatan maqasid syariah perlu diterapkan selari dengan pelaksanaannya. Maqasid syariah merupakan faktor penting yang perlu diambil kira dalam proses pelaksanaan atau pensyariaan sesuatu hukum. Menyedari hakikat ini keperluan menterjemahkan maqasid syariah dalam setiap aspek kehidupan sebagai contoh dalam bidang pengurusan ibadah korban pasca covid wajib dititikberatkan. Dalam menyelesaikan isu COVID-19 dengan memberi pengetahuan terhadap rakyat betapa pentingnya fungsi maqasid syariah dalam menjamin kesejahteraan manusia seterusnya menjaga nyawa manusia. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti SOP dan menganalisis SOP yang diguna pakai dalam pelaksanaan ibadah korban. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini melibatkan pendekatan kualitatif merangkumi sorotan dan analisis data sekunder. Dapatan data dianalisis secara sistematik menggunakan penulisan teknik analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan SOP yang diguna pakai dalam ibadah korban bertepatan dengan prinsip maqasid syariah iaitu pemeliharaan nyawa.

Kata kunci: SOP, Ibadah Korban, Maqasid Syariah

Abstract: Sacrifice worship is an act of worship prescribed by Allah SWT to his people since the second year of the migration. When performing this ibadah, the maqasid syariah approach must be applied in parallel with its implementation. Maqasid syariah is also an important element taken into account in the process of enactment of any law. Knowing this,

the need to apply maqasid syariah into every living aspect like the management of post-covid qurban should be a mandatory. In dealing with COVID-19 issues, the community should be made known of the importance of maqasid syariah to guarantee the well-being of humanity and protection of lives. The objective of this research is to identify and to analyze the Standard Operation Procedure (SOP) used in the implementation of qurban activities. Method used in this research involves qualitative approach by incorporating secondary data analysis. Findings for systematic data analysis is using content analysis technique. Findings show the SOP used in qurban is in line with the maqasid syariah principle which is preserving lives.

Keywords: SOP, Sacrifice, Maqasid Syariah

Pendahuluan

Pensyariatannya ibadah korban merupakan tuntutan kepada umat Islam yang berkemampuan melaksanakannya. Hukumnya akan berubah menjadi wajib sekiranya seseorang itu bernazar untuk melakukan ibadah korban ini. Ia merupakan ibadah tahunan dan hanya dilaksanakan dalam tempoh 4 hari pada bulan Zulhijjah iaitu pada hari raya haji (10 Zulhijjah) dan hari-hari tasyriq (11, 12 dan 13 Zulhijjah). Korban atau *'udhiyyah* menurut syarak ialah apa-apa yang disembelih dari binatang ternakan, terdiri dari unta, lembu atau kerbau serta kambing semata-mata untuk mendekati diri kepada Allah Taala beserta syarat-syarat tertentu. Binatang-binatang ternakan ini disebut di dalam Al-Quran sebagai *al-an'am* (Al-Bujairimi, 1998). Perintah melakukan ibadah korban adalah berdasarkan firman Allah dalam surah al-Kauthar ayat 2 yang bermaksud : *Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah binatang korban (sebagai tanda bersyukur).* Manakala tujuan melaksanakannya dijelaskan di dalam firmanNya yang bermaksud : *Daging dan darah binatang korban itu sekali-kali tidak akan sampai kepada Allah, tetapi yang akan sampai kepadaNya ialah amalan taqwa dari kamu*" (Surah al-Hajj, 22: 37).

Keutamaan binatang untuk dijadikan sembelihan korban adalah unta diikuti lembu atau kerbau dan seterusnya kambing. Seekor unta, lembu atau kerbau menyamai 7 bahagian manakala kambing hanya menyamai 1 bahagian. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis SOP yang diguna pakai dalam pelaksanaan ibadah korban disamping kesesuaian dengan maqasid syariah.

Pernyataan Masalah

Serangan virus baru yang dikenali sebagai Corona Virus telah menyebabkan huru hara di seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali dalam menerima serangan virus ini sehinggakan pihak kerajaan terpaksa mengambil langkah drastik dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020 (MKN, 2020). Pelaksanaan PKP ini telah memberi kesan kepada kehidupan rakyat Malaysia sama ada melibatkan sosial dan juga ekonomi. Aktiviti keagamaan juga terjejas apabila rumah ibadat ditutup sehinggakan sambutan hari raya Aidilfitri juga tidak disambut di masjid dan perkara ini telah berlarutan lebih dari setahun.

Selepas hampir empat bulan PKP dilaksanakan, pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sebelum hari raya Aidiladha diraikan dan menyebabkan aktiviti keagamaan kembali dilaksanakan termasuklah aktiviti ibadah korban (MKN, 2020). Namun begitu, aktiviti korban ini perlu dilaksanakan mengikut SOP yang ketat mengikut panduan Majlis Keselamatan Negara seperti penjarakan fizikal, pemakaian pelitup

muka dan sebagainya (KKM, 2020). Pada tahun 2021, aktiviti ibadah korban sekali lagi terpaksa dilakukan dalam keadaan mengikut SOP yang semakin ketat dari tahun sebelumnya. Ini kerana sambutan ibadah korban tahun ini berada dalam pelaksanaan kawalan pergerakan (PKP) disebabkan peningkatan kes covid yang lebih parah dari tahun sebelumnya. Contohnya kerajaan negeri Pulau Pinang hanya membenarkan ibadah korban dilaksanakan di masjid, surau atau tempat sembelihan sahaja (Astroawani, 2021).

Implikasi kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan panduan SOP yang dikeluarkan oleh MKN selari dengan maqasid syariah itu sendiri antaranya memelihara nyawa. SOP yang dikeluarkan bukannya bertujuan untuk menafikan pelaksanaan tradisi aktiviti ibadah korban seperti sebelum ini tetapi terdapat perkara yang lebih penting untuk diambil kira contohnya nyawa.

Metodologi Kajian

Metode kajian ini telah melalui dua tahap iaitu proses pengumpulan data dan menganalisis data. Metode pengumpulan data adalah merujuk kepada kajian bersifat kualitatif yang bersumberkan kajian kepustakaan dan analisis data sekunder. Oleh kerana isu pandemik ini masih baru di Malaysia, kajian kepustakaan ini banyak bergantung kepada sumber atas talian seperti berita, panduan yang dikeluarkan oleh kementerian kesihatan, sumber buku, artikel dan bahan-bahan bertulis yang bersesuaian terutamanya yang berkaitan dengan SOP dan pandemik COVID-19.

Metode Analisis Data

Pada peringkat ini, penyelidik menggunakan metode induktif dan deduktif. Tujuan penggunaan metode induktif memfokuskan pengkajian data-data yang bersifat khusus untuk menghasilkan satu kesimpulan umum terhadap sesuatu permasalahan (Ghazī Husayn Ināyah, 1990). Menerusi metode induktif ini, satu analisa boleh dinyatakan bahawa jika faktor yang sama berlaku, maka kesan yang sama akan terhasil. Metode deduktif pula penyelidik boleh menyimpulkan bahawa SOP yang diamalkan ketika waktu dilaksanakan ibadah korban selari dengan maqasid syariah atau sebaliknya.

Kriteria Binatang Korban

Binatang-binatang yang akan dikorbankan perlu dilihat dari beberapa kriteria dan syarat tertentu, iaitu: (Al-Zuhaili, 2006).

- 1) Umur
 - i. Biri-biri - Genap setahun dan memasuki tahun ke 2
 - ii. Kambing/lembu/kerbau - Genap dua tahun dan memasuki tahun ke 3
 - iii. Unta - Genap lima tahun dan memasuki tahun ke 6
- 2) Keadaan fizikal
 - i. Sihat dan bebas dari sebarang penyakit.
 - ii. Tiada kecacatan yang menyebabkan berlakunya kekurangan daging serta tiada bahagian badan binatang terpotong seperti telinga, hidung, ekor atau lidah.
 - iii. Kaki binatang tidak tempang yang menyebabkan ia tidak dapat berjalan dengan baik.
 - iv. Mata tidak buta atau rosak salah satu atau kedua-duanya (Al-Bujairimi, 1998).

Asal Usul Ibadah Korban

Dua peristiwa di dalam sejarah Islam telah dikaitkan dengan pelaksanaan ibadah korban pada hari ini. Peristiwa pertama berlaku di zaman Nabi Adam a.s iaitu pertelingkahan yang berlaku di antara dua anak lelaki baginda iaitu Habil dan Qabil. Allah berfirman yang bermaksud:

Dan ceritakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua anak lelaki Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersembahkan korban lalu diterima korban salah seorang dari mereka (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Maka berkata (Qabil); "Aku pasti akan membunuh kamu!", (Habil) menjawab; Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) dari orang-orang yang bertaqwa (al-Maidah, 5 : 27).

Tragedi pembunuhan yang berlaku ini bertitik tolak dari tindakan Nabi Adam a.s mengahwinkan anak-anak baginda yang kembar dengan kembar yang lain. Qabil tidak berpuas hati kerana pasangannya (kembar Habil) yang dirasakan tidak cantik dan tidak sepadan dengannya. Untuk menyelesaikan masalah ini, maka Nabi Adam a.s meletakkan syarat supaya Habil dan Qabil melakukan korban. Korban yang diterima Allah SWT nanti menandakan pelakunya layak dan berhak untuk mengahwini pasangan yang ditetapkan oleh baginda (Ibn Kathir, 2002).

Manakala peristiwa kedua adalah kisah yang dihadapi oleh Nabi Ibrahim a.s apabila baginda diperintahkan menyembelih anak kesayangannya, Nabi Ismail a.s. Maksud firman Allah SWT:

Maka tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim a.s berkata: Wahai anakku! Sesungguhnya aku telah melihat di dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu, maka fikirkanlah apa pendapatmu?. Anaknya menjawab; Wahai bapaku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu, Insha Allah kamu akan mendapatiku dari orang-orang yang sabar. (Al-Saffat,37:102).

Menurut Ibn Kathir (2002), Nabi Ismail a.s dilahirkan ketika usia Nabi Ibrahim a.s. mencapai 86 tahun dan memperolehi anak kedua iaitu Nabi Ishaq a.s ketika usia baginda 99 tahun. Kesabaran serta pengorbanan baginda adalah terlalu besar dalam menghadapi ujian daripada Allah SWT.

Hikmah Ibadah Korban

1. Ibadah korban melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT di atas kepelbagaian nikmat yang telah diberikan kepada hamba-hambanya serta menghilangkan perasaan bakhil dan sayangkan harta benda. Korban juga menjadi inspirasi dalam membentuk sikap sanggup berkorban harta benda dan jiwa raga demi agama Islam dan mengharapkan keredaan Allah SWT.
2. Menghidupkan sunnah yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim dengan menghayati sirah hidup baginda yang telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya. Segala ujian dan cabaran yang dilalui oleh baginda telah dihadapi dengan kesabaran yang tiada tolok bandingnya.
3. Mengeratkan hubungan silaturrahim antara pemberi dan penerima daging korban, jiran dan sahabat handai seperti mana yang dikehendaki oleh Islam serta melahirkan semangat kerjasama apabila bersama-sama mengendalikan proses penyembelihan

korban. Kerjasama yang terjalin akhirnya menjadi tonggak perpaduan di dalam masyarakat.

Aplikasi Prinsip Maqasid Syariah

Konsep maqasid syariah adalah bagi menjamin kelangsungan kehidupan bermasyarakat. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri mencadangkan agar maqasid syariah harus diberi pemahaman yang jelas kepada masyarakat dalam usaha memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk menangani isu COVID-19. (Ahmad Nasir, 2020).

Prinsip Pertama: Menjaga Agama

Ibadah korban memberi impak yang besar dalam pembangunan ummah. Pensyariatan ibadah korban bagi membentuk dan mendidik hambanya agar lebih taqarrub kepada Allah SWT ('Uqbah Amer, 2016). Hikmah yang jelas dan tinggi nilainya adalah untuk menghayati semangat pengorbanan yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s ketika mana diuji oleh Allah SWT (Mustafa Dib al-Bugha, 2009).

Prinsip Kedua: Menjaga Nyawa

Ketika berhadapan dengan situasi yang mengancam nyawa manusia, Islam menggariskan beberapa langkah tertentu berdasarkan kaedah usul fiqh yang berbunyi sekiranya sesuatu kemudharatan tidak dibendung ia akan memberi kesan yang berpanjangan. Begitu juga prinsip kemudharatan hendaklah dihilangkan. Oleh itu Islam memberi ruang kepada pemerintah supaya mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menjamin kemaslahatan bersama berdasarkan pandangan dan nasihat golongan yang berautoriti (Mohamed Fatris Bakaren, 2020).

Berdasarkan statistik kematian yang semakin meningkat dan peningkatan kes akibat pandemik COVID-19 mutakhir ini masyarakat perlu memahami betapa pentingnya memelihara nyawa dalam usaha menangani wabak serta wajib mematuhi SOP yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha mengekang penularan COVID-19 selaras dengan prinsip maqasid syariah.

Prinsip Ketiga: Menjaga Akal

Penularan pandemik COVID-19 mempunyai hikmah tersendiri dalam menguji akal supaya manusia mempunyai disiplin yang tinggi dalam mengharungi norma baharu kehidupan (Firdaus Azil, 2020). Seterusnya, ujian seperti ini mengajar dan mendidik kita untuk bersikap redha terhadap dugaan yang berlaku dan merupakan sebahagian daripada takdir tuhan. Namun, sebenarnya sebagai seorang manusia, kita mempunyai ikhtiar dan usaha untuk menjauhkan diri kita daripada penyakit yang datang (Firdaus Azil, 2020).

Prinsip Keempat: Menjaga Keturunan

Penjagaan nasab dan keturunan merupakan satu tuntutan yang wajib dipelihara demi kelangsungan masyarakat. Syariat Islam amat menitik beratkan terhadap aspek penjagaan keturunan nyawa dan tubuh badan. selari dengan hukum syarak dari segi keselamatan dan kesihatan dalam usaha membendung penularan Pandemik COVID-19. Dalam keadaan normal baharu dan luar dari kebiasaan, kita perlu patuh kepada SOP yang ditetapkan kerana negara masih belum dapat menangani sepenuhnya ancaman COVID-19. Maqasid syariah berperanan

sebagai langkah dan panduan terbaik kepada umat Islam ketika mendepani pandemik COVID-19 (Mohd Iskandar Ibrahim, 2020).

Prinsip Kelima: Menjaga Harta

Ibadah korban adalah merupakan manifestasi ketaatan hamba kepada penciptanya. Ia dibuktikan dengan kesediaan untuk memberi dan berkongsi rezeki serta menghayati maksud pengorbanan yang sebenar membelanjakan harta untuk tujuan ibadah. Justeru itu ibadah korban menepati tuntutan maqasid syariah iaitu memelihara harta, dengan ibadah korban yang dilaksanakan ia dapat mengikis sifat tamak dan seterusnya dapat mengeratkan ikatan perpaduan dalam komuniti serta membangunkan semangat jihad ('Uqbah Amer, 2016). Terdapat banyak dalil-dalil yang mengungkap kelebihan amalan berkorban dalam membangunkan komuniti Islam setempat khususnya dan umat Islam sejagat. Prosedur operasi standard (SOP) yang disediakan oleh pihak berkuasa untuk pelaksanaan ibadah korban amat bertepatan dengan maqasid syariah dari segi keselamatan dan kesihatan dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Prosedur Operasi Standard (SOP) Ibadah Korban Tahun 1442H

Sambutan Ibadah korban tahun 1442 Hijrah telah berubah landskap kerana serangan pandemik COVID-19 di Malaysia sejak dari tahun sebelumnya. Untuk mengelakkan penularan wabak ini semasa ibadah korban dilaksanakan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) lengkap untuk ibadat ini. SOP ini boleh dijadikan rujukan untuk dilaksanakan ketika melakukan ibadah korban. Antara SOP yang diberikan perhatian ketika korban adalah jumlah petugas dan kehadiran orang ramai di lokasi korban (Mohd Nasaruddin Parzi & Ilah Hafiz Abd Aziz, 2020). Tahun 2021, kapasiti kehadiran ibadah korban maksima adalah 10 orang sahaja. SOP ibadah korban juga semakin diperketatkan dengan melibatkan pelaksanaan dan proses korban, agihan bahagian peserta korban, pemeriksaan daging oleh Jabatan Pemeriksaan Veterinar (DVS) serta kawalan penularan dan jangkitan (Ibadah korban, 2021).

1. Pelaksanaan dan proses korban:

- a) Mendapat Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dan permit penyembelihan ternakan dari Pejabat Veterinar Negeri atau Daerah.
- b) Melaporkan program korban yang akan dijalankan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).
- c) Peserta yang mengambil bahagian dalam ibadah korban hendaklah mewakili kepada penyembelih atau wakil yang dilantik.
- d) Proses penyembelihan, lapah dan keratan asas adalah digalakkan untuk dilaksanakan di rumah penyembelihan.
- e) Bagi kawasan Masjid dan Surau, tapak penyembelihan hendaklah sesuai, bersih, selamat dan tidak berhampiran saluran awam serta mendapat kebenaran pihak berkuasa berkaitan.
- f) Proses potongan kecil dan membungkus pembahagian daging korban hendaklah dibuat di tempat yang lapang dan tidak menyebabkan berlaku kesesakan.
- g) Sembelihan korban selain daripada rumah sembelihan hendaklah dilaksanakan tidak melebihi 5ekor dalam sehari dengan bilangan petugas tidak melebihi 10 orang bagi setiap haiwan, serta
- h) mengambil kira keluasan kawasan bagi mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dekat).

2. Agihan bahagian peserta korban:

a. Agihan oleh petugas:

Penghantaran secara langsung kepada peserta yang mengambil bahagian dan fakir miskin berdasarkan senarai nama yang telah ditetapkan.

b. Agihan dengan kehadiran peserta:

Jumlah kehadiran peserta pengambilan bahagian tidak boleh melebihi jumlah petugas dalam satu masa mengikut SOP yang ditetapkan dan elakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembarang dekat).

3. Pemeriksaan daging oleh Jabatan Pemeriksaan Veterinar (DVS)


Pemeriksa Daging DVS perlu memastikan proses penyembelihan yang dijalankan mematuhi Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985, Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 dan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban.

4. Kawalan penularan dan jangkitan

- a) Mengadakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran melalui aplikasi MySejahtera.
- b) Pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan.
- c) Memastikan penjarakan fizikal melebihi 1 meter.
- d) Mengelakkan daripada 3C iaitu bersesak, ruang rapat/ tertutup dan perbualan jarak dekat.
- e) Petugas yang dipilih hendaklah sihat, tidak bergejala dan bukan dalam kalangan pengidap penyakit kronik.
- f) Petugas yang telah mendapat dua dos suntikan vaksin diberi keutamaan.

Pulau Pinang juga tidak terkecuali melaksanakan SOP ketika pelaksanaan ibadah korban. Antaranya ibadah korban dibenarkan dilaksanakan di pusat atau ladang ternakan (Safina Ramli, 2021). Sebelum itu, terdapat tujuh SOP yang boleh dikenalpasti untuk melakukan ibadah korban tahun 1441H yang telah dikeluarkan oleh di Pulau Pinang. Namun begitu, SOP untuk tahun 2021 diubah suai dan diperketatkan lagi demi melaksanakan maqasid syariah khususnya dalam memelihara nyawa.

Carta Alir Garis Panduan Ibadah Korban Tahun 1422H Negeri Pulau Pinang



Sumber: (<https://jaipp.penang.gov.my/index.php/en/terkini/pengumuman-jaipp/211-prosedur-permohonan-pelaksanaan-ibadah-korban-negeri-pulau-pinang-1442h-2021m>)

Kesimpulan

Ibadah korban yang dilakukan setiap tahun bukanlah sekadar sambutan hari raya Aidiladha sahaja tetapi ia lebih kepada aspek ibadah yang penting dilakukan oleh masyarakat muslim. Serangan pandemik COVID-19 telah mengganggu banyak aktiviti keagamaan dilaksanakan seperti biasa termasuklah ibadah ini. Akan tetapi ibadah korban tetap dilaksanakan walaupun keadaan tidak seperti biasa. Perbezaannya pada tahun 2020, aktiviti ibadah korban ini dilaksanakan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) agar dapat mengelakkan penyebaran virus dalam kalangan masyarakat. Manakala pada tahun 2021, SOP ibadah korban semakin diperketatkan kerana virus ini telah menjangkiti ribuan penduduk di Malaysia.

Jika ditelusuri dengan lebih mendalam, ibadah korban yang telah dilaksanakan melalui SOP yang ketat secara terperinci telah menepati prinsip maqasid syariah kerana menepati pemeliharaan nyawa. Ini kerana SOP yang telah dikeluarkan oleh MKN bertujuan untuk mencegah penularan virus seterusnya dapat mengelakkan nyawa seseorang itu berada dalam bahaya.

Rujukan

- al-Bughā, M. D. (2009). *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Mazhab Allmam Al-Syafie* (terj.). Negeri Sembilan: Malaysia.
- Amer, 'U. (2016). Hukum-Hakam dan isu-isu dalam ibadah korban, *Muzakarah Fiqh & Internasional Fiqh Conference 2016*.
- Azil, F. (2020), Covid 19: Islam tuntutan umatnya jaga kesihatan, nyawa demi kesejahteraan agama (2020, 11 Mei) dimuat turun daripada www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-242578. Diakses pada 22 Jun 2021.
- Bakaram, M. F. (2020, 18 Februari). Fatwa Berkaitan Pencegahan Covid-19. Diakses daripada <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa/Fatwa-Covid-19-Malay> 22 Jun 2021.
- Bername (2021,19 Jun). <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pulau-pinang-benarkan-ibadah-korban-dengan-sop-ketat-304001>. Diakses pada 2 Jun 2021.
- Ghazī Ḥusayn Ināyah (1990). *Manāhij al Bahth al 'Ilm fī al Islām*. (t.t.t). Dar al-Jil
- Hilmi, H. (2021, 25 Jun). Cadangan SOP Ibadah Korban. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/722672/cadangan-sop-ibadah-korban>. Diakses pada 30 Jun 2021.
- <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyataan-media-mkn-18-mac-2020/>). Diakses pada 25 Mei 2021.
- Ibrahim, M. I, (2020, Julai 28,). Sop ibadah korban selari hukum syarak. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/715688/sop-ibadah-korban-selari-hukum-syarak>. Diakses pada 6 Jun 2021.
- Ismail, I. K. A. F.bn Kathir. (2002), *Tafsir al-Quran al-'azim*. Jil. 7. Cairo: Dar al-Hadith.
- Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. (2020). SOP korban. <http://jaipp.penang.gov.my/images/pdf/SOP%20KORBAN.pdf>. Diakses pada 19 Jun 2021.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Huraian aplikasi 5 prinsip Maqasid Syariah Dalam Tadbir Urus. Diakses daripada www.islam.gov.my/bahagian-maqasid-syariah/1181-prinsip-maqasid-syariah pada 10 Jun 2021.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2020). <http://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-pkppemulihan/SOP%20Ibadah%20Korban%20PKPP.pdf>. Diakses pada 22 Jun 2021.

- Majlis Keselamatan Negara (2020). [https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/12/SOP-PKPP-kemaskini-7 Disember- 2020.pdf](https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2020/12/SOP-PKPP-kemaskini-7%20Disember-2020.pdf). Diakses pada 29 Jun 2021.
- Parzi, M. N. & Aziz, I. H. A. (2020, 26 Ogos). Pkpp ibadat korban dibenarkan. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/703683/pkpp-ibadat-korban-dibenarkan>. Diakses pada 14 Jun 2021.
- Ramli, S. (2021). Pulau Pinang benar laksana korban di pusat ternakan. Diakses daripada <https://www.kosmo.com.my/2021/07/02/pulau-pinang-benar-laksana-korban-di-pusat-ternakan/>. Diakses pada 29 Jun 2021.
- SOP ibadah korban (2021, 23 Jun). <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/sop-perintah-kawalan-pergerakan-pkp/JAKIM-PKP-SOP-Sektor-Sosial-Ibadah-Korban-Kemaskini-23-Jun-2021.pdf>. Diakses pada 21 Ogos 2021.
- Sulaiman, B. (1998), *Tuhfat al-Habib 'Ala Sharh al-Khatib*. Beirut: Dar al-Fikr. Jil. 4.
- Wahbah, Z. (2006), *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhhab al-Imam al-Shafi'e*. Jil. 1. Damsyik : Dar al-Qalam.
- Yusoff, A. N. M (2020, 24 April). *Maqasid syariah jadi panduan cegah penularan wabak*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/04/680964/maqasid-syariah-jadi-panduan-cegah-penularan-%20wabak>. Diakses pada 13 Jun 2021.
- Zulkiffli, Z. (2020, 26 Ogos). Pulau Pinang ikut saja SOP Aidiladha yang ditetapkan. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/604761/pulau-pinang-ikut-saja-sop-aidiladha-yang>. Diakses pada 9 Jun 2021.